

DOSH arah projek Jalan Bukit Kukus dihentikan sementara waktu



GEORGETOWN: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengarahkan kontraktor dan konsultan jalan berkembar Bukit Kukus yang bernilai RM545 juta untuk menyiapkan laporan terperinci mengenai kemalangan di tapak projek itu minggu lalu.

Dalam satu kenyataan hari ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu juga sudah mengarahkan agar kerja-kerja di tapak itu dihentikan buat sementara waktu selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

"Kami sudah mengarahkan kedua-dua kontraktor dan konsultan bagi projek itu untuk menyerahkan laporan penuh berhubung kejadian.

"Hasil daripada siasatan juga akan diumumkan selepas mendapat lampu hijau daripada DOSH," katanya.

Menurutnya, kemalangan berlaku jam 8.30 malam Khamis lalu apabila kren yang membawa naik kepingan besi keluli dihayun angin kuat sehingga mengenai struktur konkrit rasuk di salah satu tiang di situ sebelum menyebabkan 14 konkrit jatuh.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kow Yeow menegaskan bahawa kejadian itu adalah bukan runtuhannya sebaliknya merupakan kemalangan di tempat kerja.

Projek jalan bertingkat yang juga jalan alternatif menghubungkan Lebuh raya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Jambatan itu juga terpaksa dilewatkan setahun dari tarikh asal jangkaan siap pada Mac 2019 kepada Mac 2020.

DOSH juga akan bertemu dengan pihak kontraktor hari ini bagi tujuan siasatan ke atas kemalangan itu.

Projek itu dimajukan oleh tiga entiti berlainan termasuk MBPP dan kejadian kemalangan itu berlaku di kawasan yang diuruskan PBT berkenaan.